

22 JUL 2000

Hishammuddin-Belia

FAKTOR KEPIMPINAN DAN WANG HALANG AKTIVITI PERSATUAN BELIA

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Kementerian Belia dan Sukan mengenal pasti faktor kepimpinan dan wang sebagai antara punca banyak persatuan belia tidak aktif, kata Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Beliau berkata, daripada 8,000 persatuan belia yang ada di Malaysia hanya 39 peratus sahaja yang bergerak aktif dengan penglibatan 415,956 anggota manakala 61 peratus lagi dianggap lemah atau tidak bergerak sama sekali.

"Beberapa kelemahan yang telah dikenal pasti itu termasuklah kepimpinan lemah, sokongan kewangan yang tidak mencukupi, pergerakan yang tidak menarik atau kurang relevan, imej belia yang lusuh dan kurang sokongan daripada media massa serta pemimpin-pemimpin lain," katanya semasa merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Majlis Belia Malaysia (MBM) ke-50 hari ini.

Beliau berkata, ini merupakan masa keemasan untuk persatuan-persatuan itu mengorak langkah meningkatkan kegiatan mereka.

Kementerian telah membuat keputusan untuk menyediakan prasarana, saluran sama ada melalui majlis perundingan belia atau jawatankuasa kerja dan program itu akan dibawa ke peringkat tertinggi.

Hishammuddin berkata, sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet yang akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah ditubuhkan.

Jawatankuasa Kabinet itu akan mempertimbangkan penyusunan semula program Rakan Muda yang akan diperkenalkan semula pada bulan September ini berdasarkan input dan maklumbalas golongan belia.

"Saya berharap program Rakan Muda yang akan diketengahkan ini akan melibatkan syarikat-syarikat swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan lain dan MBM kerana masalah remaja tidak boleh diletakkan atas bahu MBM dan Kementerian sahaja," katanya.

Beliau juga berharap agar program itu dapat dicetuskan oleh golongan belia sendiri dengan MBM memainkan peranan besar ke arah pembentukan program itu.

Perhimpunan Agung MBM itu akan menentukan Jawatankuasa MBM yang baru bagi tempoh 2000 hingga 2002.

Menurut Presiden MBM, Saifuddin Abdullah, satu daripada cara untuk menangani masalah sosial di kalangan belia ialah dengan meneroka pendekatan baru.

Dalam mengatasi penyalahgunaan dadah, beliau berkata MBM dengan kerjasama MRCB telah memulakan pendekatan baru menggunakan pesanan "Sayangi Anda dan Orang Lain, Jauhilah Dadah" yang telah ditayangkan oleh stesen tv swasta.

Lanjutan daripada itu, beliau berkata seluruh Badan Gabungan MBM akan mula menganjurkan pakej 5P dalam menangani masalah seperti ini, iaitu: "pendidikan", "pencegahan", "pencelahan", "pemulihan" dan "penerimaan semula".

-- BERNAMA

NJ AZZ PR